

19 AUG 1997

Mahathir-Belanjawan

KERAJAAN MUNGKIN ADAKAN SEKATAN BAGI IMPORT JENTERA BERAT

KUCHING, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan mungkin mengadakan sekatan terhadap import jentera berat dalam belanjawan 1998 yang akan dibentangkan ke Parliamen pada Oktober depan.

Perdana Menteri berkata import yang berterusan bagi jentera berat seperti kren, pengorek dan buldozer telah menjadi penyumbang besar kepada defisit imbalan bayaran negara.

"Para peniaga hendaklah sedar defisit itu merupakan masalah negara dan ia akan menjejaskan peniaga itu sendiri kemudian kelak," kata beliau pada persidangan berita pada akhir lawatan dua hari beliau ke Sarawak.

Dr Mahathir berkata walaupun jentera berat yang sedia ada dalam negara sudah begitu besar jumlahnya, para peniaga masih terus mengimportnya.

"Di Kuching sahaja, kita boleh lihat begitu banyak kawasan yang dipenuhi dengan jentera berat itu tetapi mereka masih membelinya. Jika kita teruskan tabiat buruk ini, masalah defisit itu tidak akan dapat diatasi," katanya.

Dr Mahathir berkata para peniaga itu kini boleh menjual jentera itu dan membuat keuntungan untuk diri mereka, dengan itu turut menyumbang ke arah mengurangkan defisit negara.

"Pada masa ini kita mahu para peniaga sendiri secara sukarela menghentikan import jentera itu tetapi jika mereka tidak melakukannya, kita sedang menimbang untuk mengadakan sekatan terhadap importnya," kata beliau.

Apabila ditanya seterusnya mengenai jenis sekatan yang akan dikuatkuasakan oleh kerajaan, Dr Mahathir berkata beliau perlu berunding dengan Menteri Kewangan mengenai langkah-langkah itu.

Dr Mahathir berkata semua projek yang sudah dirancang tidak akan ditangguh atau dibatalkan.

"Kita menguruskan kewangan kita dengan baik, cuma ada penyangak kewangan yang cuba mensabotaj kita...memanglah mereka kata itu (apa yang mereka lakukan) adalah perdagangan biasa tetapi jika perkara itu berlaku kepada negara mereka ia bukan perkara biasa lagi," kata beliau.

Beliau berkata tindakan George Soros yang dinamakan oleh Perdana Menteri sebagai orang di belakang serangan spekulasi terhadap Ringgit, adalah lebih buruk daripada apa yang dilakukan oleh Robin Hood.

"Sekurang-kurangnya Robin Hood merampas daripada yang kaya untuk membantu yang miskin, tetapi orang ini merompak daripada yang miskin untuk memperkayakan yang sudah kaya," katanya.

Beliau berkata Soros sepatutnya bersara dan membuat persediaan untuk hari depannya, bukannya terus-menerus mensabotaj mata wang negara Asean.

"Sekurang-kurangnya selepas merompak Britain sebanyak dua bilion pound, mereka (para spekulator) seharusnya bersedia untuk kehidupan mereka pada hari depan... di akhirat nanti," katanya. -- BERNAMA

MT OPP NMO